

NOTIS PRIVASI BAGI PELANGGAN-PELANGGAN

Notis Privasi (“**Notis**”) ini menetapkan asas bagaimana **Tips Industry (M) Sdn. Bhd.** (dirujuk sebagai “**kami**”) boleh mengumpul, menggunakan, mendedahkan atau memproses data peribadi pelanggan selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**PDPA**”). Notis ini terpakai kepada data peribadi yang berada dalam milikan atau kawalan kami, termasuk data peribadi yang berada dalam milikan organisasi yang kami lantik untuk mengumpul, menggunakan, mendedahkan atau memproses data peribadi bagi pihak kami.

PEMAKAIAN NOTIS INI

1. Notis ini terpakai kepada semua pelanggan individu yang membuat pembelian daripada kami.
2. “Pelanggan” dalam Notis ini merujuk kepada sesiapa individu yang membuat sebarang pembelian daripada kami dan/atau menyertai dalam jerayawara / cabutan bertuah / acara-acara kami.

DATA PERIBADI

3. Data peribadi yang kami mungkin kumpul daripada anda semasa anda membuat pembelian daripada kami atau menyertai dalam jerayawara / cabutan bertuah / acara-acara kami:
 - (a) Nama atau alias anda;
 - (b) Nombor telefon anda;
 - (c) Alamat emel anda;
 - (d) Tandatangan anda;
 - (e) Gambar, video, audio anda dan cara rakaman elektronik anda yang lain yang tidak lagi digunakan; dan/atau
 - (f) Nombor pendaftaran kenderaan anda.
4. Terma-terma lain yang digunakan dalam Notis ini hendaklah mempunyai makna yang diberikan kepada mereka dalam PDPA (jika konteks membenarkannya).

PENGUMPULAN, PENGGUNAAN DAN PENDEDAHAN DATA PERIBADI

5. Dengan membekalkan data peribadi anda kepada kami dan/atau wakil-wakil kami apabila anda membuat pembelian daripada kami, anda telah bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi anda mengikut Notis ini.
6. Kami secara umumnya mengumpul data peribadi yang mana (a) anda bekalkan secara sedar dan sukarela sebelum pembelian anda daripada kami dan/atau penyertaan anda dalam jerayawara / cabutan bertuah / acara kami, atau (b) pengumpulan dan penggunaan data peribadi tanpa persetujuan tersebut adalah dibenarkan atau dikehendaki oleh PDPA atau undang-undang lain. Kami seharusnya meminta persetujuan anda sebelum mengumpul sebarang data peribadi tambahan dan sebelum menggunakan data peribadi anda untuk tujuan yang tidak dinyatakan dalam Notis ini (kecuali yang mana dibenarkan oleh undang-undang).
7. Data peribadi anda yang kami kumpul akan kami gunakan bagi tujuan-tujuan berikut dan kami mungkin mendedahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga yang mana perlu bagi tujuan-tujuan berikut:
 - (a) Untuk mengesahkan identiti anda;
 - (b) Untuk melaksanakan dan memenuhi pesanan pembelian anda;
 - (c) Untuk menghubungi anda bagi penghantaran pesanan anda (apabila perlu);

- (d) Untuk menjawab pertanyaan atau aduan anda (jika ada) terhadap produk-produk kami atau pesanan pembelian anda;
- (e) Untuk menghubungi anda mengenai keputusan cabutan bertuah;
- (f) Untuk menyampaikan hadiah-hadiah kepada anda;
- (g) Untuk mempromosikan kami melalui profil perniagaan, laman web, media sosial, iklan dan apa-apa cara lain yang digunakan untuk mempromosikan syarikat kami;
- (h) To comply with legal and regulatory requirements Untuk mematuhi keperluan-keperluan perundangan dan peraturan; dan/atau
- (i) Bagi analisis statistik untuk meningkatkan perkhidmatan kami.

PENARIKAN BALIK PERSETUJUAN

8. Persetujuan yang anda berikan untuk pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi anda akan kekal sah sehingga anda tarik balik secara bertulis. Anda boleh menarik balik persetujuan dan meminta kami berhenti mengumpul, menggunakan dan/atau mendedahkan data peribadi anda dengan mengemukakan permintaan anda secara bertulis atau melalui menghantar emel kepada Pegawai Perlindungan Data kami mengikut butiran perhubungan yang dinyatakan di bawah. Sila ambil perhatian bahawa penarikan balik persetujuan tidak menjejaskan hak kami untuk terus mengumpul, menggunakan dan mendedahkan data peribadi di mana pengumpulan, penggunaan dan pendedahan sedemikian tanpa persetujuan adalah dibenarkan atau diperlukan di bawah undang-undang yang berkenaan.
9. Setelah menerima permintaan bertulis anda untuk menarik balik persetujuan anda, kami perlu masa yang munasabah (bergantung kepada kerumitan permintaan dan kesannya terhadap hubungan kami dengan anda) untuk memproseskan permintaan anda dan bagi kami memberitahu anda berkenaan dengan kesan bagi kami menyetujui perkara yang sama, termasuk sebarang kesan undang-undang yang boleh menjejaskan hak dan liabiliti anda kepada kami. Secara amnya, kami akan berusaha untuk memproses permintaan anda dalam masa dua puluh satu (21) hari selepas menerimanya.

AKSES DAN PEMBETULAN DATA PERIBADI

10. Jika anda ingin membuat (a) permintaan akses untuk akses kepada salinan data peribadi anda yang kami pegang atau maklumat berkenaan dengan cara kami menggunakan atau mendedahkan data peribadi anda, atau (b) permintaan pembetulan untuk membetulkan atau mengemaskini mana-mana data peribadi anda yang kami pegang, anda boleh mengemukakan permintaan anda secara bertulis atau melalui menghantar emel kepada Pegawai Perlindungan Data kami mengikut butiran perhubungan yang dinyatakan di bawah.
11. Sila ambil perhatian bahawa bayaran yang berpatutan mungkin dikenakan atas permintaan akses. Jika begitu, kami akan memaklumkan anda tentang bayaran tersebut sebelum memproseskan permintaan anda.
12. Kami akan membalas permintaan anda secepat mungkin. Secara umum, maklum balas kami akan dibuat adalah dalam tempoh dua puluh satu (21) hari. Sekiranya kami tidak dapat menjawab permintaan akses anda dalam tempoh dua puluh satu (21) hari selepas menerima permintaan akses anda, kami akan memaklumkan anda secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bahawa bila kami dapat membalas permintaan anda. Jika kami tidak dapat memberikan anda sebarang data peribadi atau membuat pembetulan mengikut permintaan anda, kami secara amnya akan memaklumkan anda kenapa kami tidak dapat berbuat demikian (kecuali apabila kami tidak perlu berbuat demikian mengikut PDPA).

13. Sila ambil perhatian bahawa bergantung kepada permintaan yang dibuat, kami hanya perlu memberikan anda akses kepada data peribadi yang terkandung dalam dokumen yang diminta, dan bukan akses kepada keseluruhan dokumen tersebut. Dalam kes tersebut, ia adalah wajar bagi kami untuk hanya memberikan pengesahan bahawa data peribadi berkenaan adalah dalam rekod organisasi kami, jika rekod data peribadi anda membentuk bahagian yang boleh diabakan dalam dokumen tersebut.

PERINDUNGAN DATA PERIBADI

14. Bagi melindungi data peribadi anda daripada akses yang tidak dibenarkan, pengumpulan, penggunaan, pendedahan, penyalinan, pengubahsuaian, pelupusan atau risiko yang serupa, kami telah memperkenalkan langkah-langkah pentadbiran, fizikal dan teknikal yang sesuai seperti meminimumkan pengumpulan data peribadi, pengesahan dan kawalan capaian (seperti amalan kata laluan yang baik, asas keperluan untuk pendedahan data, dan lain-lain), penyulitan data, perlindungan antivirus terkini, tampalan tetap sistem pengendalian dan perisian lain, memadamkan media storan dengan selamat dalam peranti sebelum dilupuskan, langkah keselamatan web terhadap risiko-risiko, serta semakan dan ujian keselamatan dilakukan secara berkala.
15. Walau bagaimanapun, anda harus sedar bahawa tiada kaedah penghantaran melalui Internet atau kaedah storan elektronik yang selamat sepenuhnya. Walaupun keselamatan tidak dapat dijamin sepenuhnya, kami berusaha untuk melindungi keselamatan maklumat anda dan sentiasa menyemak dan mempertingkatkan langkah keselamatan maklumat kami.

KETEPATAN DATA PERIBADI

16. Kami secara umumnya bergantung kepada data peribadi yang anda berikan (atau wakil anda yang diberi kuasa). Untuk memastikan data peribadi anda adalah terkini, lengkap dan tepat, sila kemas kini jika terdapat perubahan pada data peribadi anda dengan memaklumkan Pegawai Perlindungan Data kami secara bertulis atau melalui e-mel mengikut butiran perhubungan yang dinyatakan di bawah.

PENYIMPANAN DATA PERIBADI

17. Kami mungkin menyimpan data peribadi anda seperti berikut:
 - (a) Bagi pelanggan yang mengambil bahagian dalam jerayawara / cabutan bertuah / acara kami, data peribadi anda akan disimpan untuk tempoh satu (1) bulan selepas tamat tempoh jerayawara / cabutan bertuah / acara kami atau atas permintaan munasabah anda untuk melupuskan data peribadi anda. Jika anda menang dalam jerayawara / cabutan bertuah / acara kami, data peribadi anda akan disimpan untuk tempoh masa yang dikehendaki oleh undang-undang;
 - (b) Bagi pelanggan selain daripada Klausula 17(a) di atas, data peribadi anda akan disimpan sehingga anda memadamkan akaun anda. Data peribadi anda akan dipadamkan secara automatik selepas pepadaman akaun oleh pengguna akaun, kecuali invois-invois dan pesanan penghantaran yang akan disimpan bagi suatu tempoh masa yang dikehendaki oleh undang-undang.

PEMINDAHAN DATA PERIBADI KE LUAR MALAYSIA

18. Kami secara umumnya tidak memindahkan data peribadi anda ke negara-negara di luar Malaysia. Walau bagaimanapun, jika kami berbuat demikian, kami akan mengambil langkah-langkah bagi memastikan data peribadi anda menerima taraf perlindungan yang sekurang-kurangnya setanding dengan yang diperuntukkan di bawah PDPA secara berterusan.

PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA

19. Anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data kami jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau maklum balas tentang dasar dan prosedur perlindungan data peribadi kami; atau jika anda ingin membuat sebarang permintaan, dengan cara berikut:

Nombor Telefon: +607-656 3758

Emel : DPO_Tips@psccorporation.com

KESAN NOTIS DAN PERUBAHAN KE ATAS NOTIS

20. Notis ini terpakai bersama-sama dengan mana-mana dasar, notis, klausa kontraktual dan klausa persetujuan lain (jika ada) yang terpakai berhubung dengan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi anda oleh kami.
21. Kami akan menyemak semula Notis ini dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Notis yang disemak semula akan diterbitkan di laman web syarikat kami dan anda harus mengambil inisiatif untuk membaca "Notis Privasi" di laman web syarikat kami dari semasa ke semasa.

Tarikh Kuat Kuasa: 1hb Januari 2026